

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH
(SABAK BERNAM)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK
BERNAM]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan pelepasan cukai broadband seperti sebelum ini memandangkan rakyat masih memerlukan bantuan daripada segi penggunaan broadband ini khususnya pengguna di luar bandar.

JAWAPAN

Berdasarkan statistik kadar penggunaan jalur lebar Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), diperhatikan terdapat peningkatan kadar penggunaan yang signifikan sebelum dan selepas pemberian insentif pelepasan cukai RM500 kepada pelanggan jalur lebar

individu. Sebelum pelepasan ini diberikan, kadar penggunaan jalur lebar adalah pada tahap 31.7 peratus pada tahun 2009 dan meningkat kepada 66 peratus pada tahun 2012. Walaupun pelepasan cukai langganan jalur lebar ini telah tamat pada tahun 2012 adalah didapati bahawa kadar penggunaan terus meningkat kepada tahap 70.2 peratus pada tahun 2014. Ini menunjukkan bahawa peningkatan penggunaan jalur lebar di Malaysia telah melepasi tahap massa kritikal (*critical mass*) dan seterusnya menyebabkan kadar penggunaan terus meningkat walaupun insentif ini telah ditamatkan.

2. Berdasarkan senario tersebut, Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan semula insentif pelepasan cukai bagi langganan jalur lebar yang telah berakhir pada tahun 2012.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
DARIPADA MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan kebolehan dan kemahiran Bahasa Malaysia sebagai syarat wajib kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dengan mengadakan ujian khas setaraf atau serupa dengan Malaysia University English Test (MUET) bagi memartabatkan lagi Bahasa Malaysia.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris, (MBMMBI) telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mencapai matlamat tersebut. Dasar ini akan dapat memperkukuh daya saing negara dengan mengangkat Bahasa sebagai mediumnya. Dasar ini juga akan menjayakan matlamat Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Walau bagaimanapun, kerajaan masih belum berhasrat untuk mengadakan ujian khas Bahasa Malaysia yang setaraf atau serupa dengan MUET sebagai syarat wajib khas kemasukan ke IPTA dan IPTS kerana syarat wajib lulus Bahasa Malaysia telah dikenakan di peringkat SPM.